

**PROSEDUR OPERASI STANDARD  
(SOP) PEMBUKAAN PASAR PAGI /  
PASAR TERBUKA,  
PASAR MALAM  
DAN  
JUALAN BONET KERETA DALAM  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)  
TAHUN 2020**

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
(BAH.PENJAJA, JAB.KESIHATAN ALAM SEKITAR DAN  
PENJAJA)**

# SOP BAGI PEMBUKAAN PASAR PAGI / PASAR TERBUKA, PASAR MALAM DAN JUALAN BONET KERETA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

## 1.0 PENDAHULUAN

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membenarkan operasi pasar terbuka/ pasar pagi, pasar malam dan jualan bonet kereta bermula **dari tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor** secara berperingkat di lokasi **terpilih** dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Pihak JKP / Persatuan/ Penganjur hendaklah mengemukakan pelan lay-out perancangan di tapak kepada pihak Majlis sebelum dibenarkan beroperasi. Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga dan pengunjung sepanjang pembukaan pasar terbuka/ pasar pagi, pasar malam dan jualan bonet kereta.

## 2.0 SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN

Kelulusan lokasi untuk beroperasi bagi pasar terbuka/ pasar pagi, pasar malam dan jualan bonet kereta adalah secara **terpilih** dan **berperingkat**. Kelulusan beroperasi adalah tertakluk kepada keputusan Majlis.

### 2.1 Syarat-syarat umum pemegang lesen:-

- a) **MEMPAMERKAN LESEN** di bahagian/ sudut yang mudah dilihat di dalam kawasan petak gerai/ khemah.
- b) Sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan. **DILARANG** sama sekali memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai yang dikeluarkan lesen.
- c) **DILARANG** sama sekali menggunakan khidmat **WARGA ASING** dalam aktiviti perniagaan.
- d) Sentiasa menyelenggara dan memastikan petak gerai dan perkakas berkaitan perniagaan berada dalam keadaan bersih.
- e) **MEMATUHI** saiz petak gerai, tempoh, dan waktu perniagaan yang diluluskan.
- f) Sentiasa menjaga kebersihan petak gerai semasa, dan selepas waktu perniagaan. Sampah sarap hendaklah **DIMASUKAN KE DALAM BEG PLASTIK dan DIKAT** sebelum dibuang ke tempat yang dihaskan oleh Majlis / Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).
- g) **MEMPAMERKAN TANDA HARGA** barangan jualan.

- h) Pemegang lesen perniagaan adalah dilarang menggunakan polisterina, beg plastik sekali guna dan hendaklah menggunakan produk biodegrasi.
- i) Penggunaan straw plastik atau penyedut minuman plastik adalah dilarang.
- j) Sekiranya kawasan atau tapak perniagaan terlibat dengan pembangunan / penyusunan semula, Majlis berhak untuk membatalkan lesen penaja yang dikeluarkan dan peniaga perlu berpindah / mencari tapak lokasi yang baru.
- k) Majlis berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan akta yang digunapakai dengan jabatan/ agensi luar yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.
- l) Lesen boleh diperbaharui **90 hari (Oktober, November, Disember)** sebelum tarikh akhir tempoh lesen.
- m) Melantik **Pembantu Warganegara Malaysia** (maximum 2 orang sahaja) berumur 18 tahun keatas.
- n) Peniaga **makanan/ minuman** hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-
  - I. Memakai pakaian bersih dengan penutup kepala, sarung tangan, dan apron.
  - II. Mendapat suntikan TYPHIM IV.
  - III. Mendapatkan Sijil Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## **2.2 Syarat-syarat Khusus:-**

### **2.2.1 Lokasi**

- a) Hendaklah di kawasan terbuka
- b) Mempunyai ruangan tempat letak kereta bagi memudahkan pengunjung.
- c) Hendaklah mempunyai laluan keluar dan masuk

### **2.2.2 Kedudukan petak / gerai**

- a) Perlu mewujudkan jarak sosial minimum 7 kaki ( $\pm 1$  meter) antara petak peniaga.
- b) Mematuhi syarat saiz petak yang telah ditetapkan ( 7' x 7').

### **2.2.3 Penggiliran perniagaan**

- a) 50% peniaga sahaja dibenarkan berniaga di sesuatu lokasi mengikut penggiliran atau mengikut kesesuaian lokasi.

- b) Senarai peniaga berlesen akan dikeluarkan oleh pihak Majlis.
- c) Peniaga akan ditentukan dengan dua jenis nombor (**genap dan ganjil**).
- d) Minggu 1 : Peniaga yang disenaraikan dengan **nombor genap**.

Minggu 2 : Peniaga yang disenaraikan dengan **nombor ganjil**.

**Cth : LOKASI PASAR MALAM TAMAN MELAWATI (SABTU)**

BIL	NAMA PENIAGA	NO LESEN	JENIS JUALAN
1.	Abu	400000166	Sate
2.	Ahmad	400000196	Bahan Mentah
3.	Selva	400000198	Air tebu
4.	Ah Chong	400000176	Pakaian

Pada 20 Jun 2020 (Sabtu), **Nombor Genap** : hanya Ahmad (2) dan Ah Chong (4) sahaja **DIBENARKAN** berniaga. Manakala, **Nombor Ganjil** : Abu (1) dan Selva (3) **TIDAK BOLEH BERNIAGA** pada tarikh tersebut. Kesemua nama di atas akan **digilirkan mengikut mingguan**.

- e) Peniaga akan digilirkan secara mingguan.

#### 2.2.4 Struktur Petak / Khemah / Kerusi / Meja

- a) Dilarang mendirikan struktur kekal di tapak.
- b) **DILARANG** membuka meja dan kerusi di petak perniagaan.

#### 2.2.5 Petak perniagaan

- a) Setiap peniaga dihadkan maximum **dua (2) petak** sahaja di tapak atau mengikut kesesuaian lokasi.
- b) Jumlah petak **dihadkan 50%** dari jumlah petak yang disediakan oleh pihak Majlis.
- c) Majlis berhak menarik balik jumlah petak yang telah diberi sekiranya syarat-syarat tidak dapat dipatuhi.

#### 2.2.6 Kawalan keselamatan, lalulintas, dan pembersihan

- a) Pihak JKP/ Pengurusan Pasar / Penganjur hendaklah menyediakan RELA/ Ahli Jawatankuasa Pasar untuk mengawal kesesakan lalulintas / pengujung di keseluruhan pasar.
- b) Kawalan hendaklah **diberi tumpuan di kawasan keluar dan masuk pasar**.
- c) Pihak JKP / Pengurusan Pasar / Penganjur hendaklah menyediakan **one stop center (khemah pengurus/ meja**

**pengurus pasar) dipintu masuk bagi mengawal kemasukan dan saringan suhu pengunjung di pasar.**

- d) Pembersihan kawasan pasar dan disinfeksi peralatan perniagaan perlu dilakukan oleh peniaga.
- e) Pihak Pengurusan Pasar/ JKP/ Penganjur digalakan membuat disinfeksi di kawasan pasar.

### 2.2.7 Kawalan kemasukan pengunjung

- a) Setiap pengunjung **DIMESTIKAN** membuat saringan suhu badan, menggunakan **hand sanitizer** dan **WAJIB** menggunakan **face mask**.
- b) Pengunjung yang mempunyai suhu melebihi 37.5° C **DILARANG** sama sekali memasuki kawasan perniagaan.
- c) Pengunjung **DIMESTIKAN** memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi SELangkah atau merekod di dalam buku pendaftaran bagi tujuan "*Contact Tracing*" dan buku pendaftaran perlu diselenggara / simpan dalam tempoh 6 bulan.
- d) Mestilah tidak terlibat dengan PUS (*Patient Under Surveillance*) dan PUI (*Patient Under Investigation*) atau perintah kuarantin.
- e) Hanya dua (2) orang bagi satu keluarga sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan pasar.
- f) Pengunjung mestilah berumur 13 tahun dan ke atas sahaja.
- g) Pengunjung yang berisiko (kanak-kanak, warga emas, ibu mengandung dan pengidap penyakit kronik) **TIDAK DIGALAKAN** mengunjungi pasar.
- h) Pengunjung tidak tertakluk kepada had tempoh maxima, namun digalakan tidak terlalu lama dan segera beredar setelah selesai urusan pembelian.
- i) Tempat beratur sebelum memasuki kawasan pasar dan hadapan petak pasar hendaklah ditanda dengan jarak satu meter antara satu sama lain.
- j) **DIGALAKAN** berurus niaga secara **CASHLESS**.
- k) Pergerakan dalam kawasan pasar mestilah terkawal secara sehalu sahaja. Laluan pintu masuk dan keluar yang berbeza.
- l) Kawalan bilangan pengunjung bergantung kepada saiz lokasi pasar.

### 2.2.8 Konsep jenis jualan digalakan secara berbungkus (take away) sahaja.

### 2.2.9 Waktu Operasi Perniagaan

BIL	KATEGORI	WAKTU PERNIAGAAN
1.	Pasar Malam	4.00 petang - 10.00 malam
2.	Pasar Pagi Terbuka	6.00 pagi- 11.00 pagi
3.	Jenis Jualan Bonet Kereta	8.00 pagi - 11.00 pagi

#### 2.2.10 Kawalan Pematuhan Pengoperasian oleh Pelesen dan Pembantu :-

- a) **DIWAJIBKAN** memakai *Face Mask* dan **DIGALAKAN** *Face Shield*.
- b) Pengendali makanan wajib memakai sarung tangan dan digalakan memakai apron pakai buang.
- c) Mestilah tidak terlibat dengan PUS (*Patient Under Surveillance*) dan PUI (*Patient Under Investigation*) atau perintah kuarantin.
- d) Peniaga / pembantu yang mempunyai suhu melebihi 37.5° C **DILARANG** sama sekali memasuki kawasan perniagaan.
- e) Jumlah pelesen dan pembantu di setiap petak adalah terhad kepada tiga (3) orang sahaja.
- f) Muat turun dan mendaftar dalam aplikasi SELangkah.
- g) Memastikan pelanggan mematuhi jarak sosial 1 meter apabila berurusan.
- h) Memastikan dan menjaga kebersihan diri di tapak sepanjang perniagaan.
- i) Digalakan menyediakan *hand sanitizer* di tapak perniagaan.

#### 2.2.11 Tindakan oleh Pelesen/ Penganjur/JKP / Pengurusan Pasar :-

- a) Perlu menyediakan pelan lokasi yang mengandungi maklumat susun atur khemah, tanda jarak dan tanda arah.
- b) Menentukan bilangan petak yang terlibat dalam operasi pasar.
- c) Menyediakan jadual pergiliran peniaga.
- d) Menyediakan peralatan yang diperlukan mencukupi bagi memastikan SOP ini dipatuhi.


#### 2.2.12 Kawalan Operasi dan Penguatkuasaan :-

- a) Tindakan kompaun, sitaan alat-alat penjajaan atau penutupan serta-merta sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan.
- b) Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah peruntukan Akta dan Undang-undang Kecil berikut:-
  - Undang-undang Kecil MPAJ (2007)
  - UUK Pengendalian Makanan
  - UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian
  - UUK Pasar dan Akta yang berkaitan
  - Akta Kerajaan Tempatan 1976
  - Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 20 bertarikh 24 Jun 2015
  - Akta 342 iaitu Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Pindaan 2020)

- Akta Jalan, Parit, dan Bangunan 1974
- Akta Polis 1967
- Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

2.2.13 Tarikh kuatkuasa SOP ini bermula dari tarikh yang akan diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga 31 Ogos 2020. Namun, sekiranya tiada sebarang pengumuman, tarikh yang terpakai adalah mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara iaitu pada 15 Jun 2020 (Isnin). Tertakluk kepada pindaan Majlis.

### 3.0 CADANGAN LAY OUT



### 3.0 PENUTUP

Para pelesen, pembantu dan pengunjung adalah terikat dengan pematuhan terhadap SOP dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, SOP ini adalah tertakluk kepada pindaan selaras dengan perubahan dasar-dasar baharu semasa berkuatkuasa.

DIKEMASKINI PADA 9 JUN 2020